

Krisis PhD di AS buka peluang strategik kepada IPT tempatan



Oleh Prof Dr Ram Al Jaffri Saad
bhrencana@bh.com.my

Pendidikan peringkat tertinggi, iaitu doktor falsafah (PhD) sekian lama menjadi simbol keunggulan intelektual dan kepimpinan ilmu dunia, namun kini sedang berdepan tekanan serius.

Hal ini menariknya berlaku di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS). Dalam laporan diterbitkan *Forbes* pada 29 Januari lalu, Michael T Nietzel membuat pendedahan dasar pentadbiran Presiden Donald Trump, iaitu Pemotongan Dana Penyelidikan Persekutuan memberi kesan langsung kepada ekosistem PhD di sana.

Banyak kesan berlaku apabila dasar berkenaan diumumkan dan dilaksanakan antaranya ialah pengurangan pembiayaan penyelidikan, penyusutan kemasukan pelajar antarabangsa dan penghijrahan besar-besaran penyelidik dari agensi persekutuan.

Perkembangan ini bukan sekadar isu domestik AS, tetapi mencerminkan satu retakan struktur dalam rantaian nilai ilmu global, memberi implikasi besar kepada universiti di seluruh dunia.

Malaysia dan institusi pendidikan tinggi (IPT) negara sudah pasti akan mendapat tempas dasar ini. Menurut satu laporan pada 2025, lebih 1,900 jurutera dan saintis di AS memberi amaran negara itu berisiko kehilangan seluruh generasi saintis disebabkan dasar keras Trump.

Amaran ini dikeluarkan selepas pentadbiran Trump memotong dana persekutuan untuk penyelidikan saintifik secara drastik.

Dana penyelidikan dipotong turut memberi kesan langsung kepada pemegang PhD, terutama bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Difahamkan, sebahagian besar kelompok ini meninggalkan agensi persekutuan AS sejak Trump kembali memegang tampuk kepemimpinan.

Pada masa sama, universiti terkemuka seperti Harvard dan Columbia mengurangkan pengambilan pelajar PhD antara lain berpunca daripada pengurangan dana dan larangan visa ke atas pelajar asing.

Data rasmi National Student Clearinghouse Research Center menunjukkan enrolmen pelajar pascasiswazah di AS sudah menurun 0.3 peratus pada 2025 berbanding tahun sebelumnya.

Lebih membimbangkan, menurut satu tinjauan antarabangsa membabitkan 461 universiti dari 63 negara, mendedahkan kemasukan pelajar pascasiswazah antarabangsa ke AS merosot 19 peratus, sedangkan institusi di Asia dan Eropah mencatat pertumbuhan sekitar 3 hingga 5 peratus.

Dapatan itu menunjukkan penurunan ketara khususnya pada peringkat pascasiswazah di AS pada 2025. Ini membuktikan krisis PhD di negara itu bukan bersifat sementara, tetapi berpunca daripada ketidaktentuan dasar dan pengurangan sokongan kerajaan terhadap ekosistem pendidikan tinggi.

Ada kesan positif dan negatif mengenai perkembangan ini. Dari sudut positif, perkembangan ini membuka banyak peluang strategik.

Lemahnya ekosistem PhD di AS membuka ruang kepada IPT kita meningkatkan peranan sebagai destinasi alternatif pendidikan pascasiswazah dan penyelidikan global.

Namun, dari sudut risikonya terdapat kemungkinan IPT tempatan mempunyai kerjasama penyelidikan dengan institusi dan dana dari sana akan menerima kesan negatif.

Ini mungkin berlaku kerana pembiayaan penyelidikan terjejas, kolaborasi antarabangsa mungkin berkurangan, projek bersama dan mobiliti penyelidik serta pelajar akan terkesan.

Kesan ini harus ditangani sebaik mungkin. Pendekatan diambil kerajaan melalui Kementerian

Pendidikan Tinggi (KPT) dilihat lebih progresif dan berpaksikan negara dalam mendepani cabaran ini.

RPTM tampil pendekatan lebih progresif

Dalam konteks ini, Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 (RPTM) tampil dengan pendekatan lebih progresif dan berpandangan jauh.

Berbeza dengan pengurangan pelaburan dana penyelidikan di AS, RPTM mengekalkan komitmen kerajaan terhadap penyelidikan dan modal insan.

RPTM mengiktiraf peranan sains sosial, pengurusan dan kemanusiaan sebagai pemacu dasar awam dan serta menekankan penyelidikan berimpak, inovasi sosial dan pengkodan ekonomi.

Pendekatan ini selari dengan keperluan Malaysia sebagai negara membangun memerlukan penyelidikan berasaskan nilai dan tadbir urus berintegriti.

Negara juga perlu terus memastikan pembangunan mampan dan dasar awam berpaksikan bukti. Ini digagaskan dalam RPTM.

Langkah ini selari dengan dapatan kajian UNESCO mendedahkan negara mengekalkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pendidikan tinggi ketika ketidaktentuan global akan lebih cepat pulih dan berdaya saing dalam jangka panjang.

Krisis PhD di AS mendedahkan lemahnya paradigma lama terlalu menyanjung STEM tanpa keseimbangan sains sosial. Banyak program dibekukan Trump adalah dalam bidang sains sosial, kemanusiaan dan dasar awam. Sedangkan bidang inilah membentuk kerangka pemikiran, tadbir urus dan keadilan sosial.

Di sinilah universiti pengurusan dan sains sosial di Malaysia perlu tampil sebagai pemain utama, bukan pelengkap. Penyelidikan dalam ekonomi Islam, pengurusan ekonomi, sosial dan tadbir urus (ESG), perakaunan mampan, tadbir urus awam dan inovasi sosial bukan sahaja relevan, malah semakin kritikal dalam dunia pascakrisis.

Universiti tidak lagi boleh dinilai semata-mata berdasarkan jumlah penerbitan, tetapi sejauh mana penyelidikan boleh mempengaruhi dasar, memperkukuh ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulannya, apa sedang dihadapi AS adalah peringatan jelas ilmu tidak boleh berkembang dalam persekitaran dasar tidak konsisten dan berunsur politik sempit.

Krisis PhD global ini seharusnya tidak ditakuti, tetapi dibaca sebagai peluang untuk Malaysia mengisi kekosongan kepemimpinan ilmu dunia dengan acuan nilai dan keperluan sendiri.

“Krisis PhD di AS mendedahkan lemahnya paradigma lama terlalu menyanjung STEM tanpa keseimbangan sains sosial. Banyak program dibekukan Trump adalah dalam bidang sains sosial, kemanusiaan dan dasar awam. Sedangkan bidang inilah membentuk kerangka pemikiran, tadbir urus dan keadilan sosial”

